

Jemput Makan!

hasil karya
Haslinah Osman



Prakata oleh Pengerusi MLLPC



Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim

*Setiausaha Parlimen Kanan
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan
Sosial dan Keluarga
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)*

'Pelajar Aktif, Pengguna Cekap' merupakan matlamat pembelajaran Bahasa Ibunda di Singapura. Murid-murid haruslah dibekalkan dengan bahan bacaan yang kreatif untuk mendorong minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Ibunda. Lebih banyak bahan bacaan yang dapat mereka akses, lebih baik natijahnya.

Siri Nabil dan Nabilah telah diilhamkan pada tahun 2015 untuk murid-murid sekolah rendah khususnya bagi Darjah 1 dan 2 dengan tujuan untuk menambah jumlah bahan bacaan tempatan bahasa Melayu. Buku-buku yang dihasilkan oleh guru-guru Bahasa Melayu Singapura ini telah mendapat sambutan baik daripada kanak-kanak, ibu bapa dan juga para pendidik.

Lanjutan daripada maklum balas tersebut, Siri Nabil dan Nabilah diteruskan untuk murid-murid Darjah 3 dan 4 pula. Terdapat pembaharuan yang telah dilakukan terutama sekali daripada aspek jalan cerita dan penampilan watak-watak dalam siri tersebut agar dapat memenuhi cita rasa para pembaca yang berusia antara sembilan hingga sepuluh tahun. Selain itu, aktiviti-aktiviti susulan setelah membaca disediakan untuk membolehkan ibu bapa dan ahli keluarga terlibat sama. Aktiviti membaca bersama-sama keluarga dapat memupuk sikap-sikap positif dan berpotensi menanamkan nilai-nilai yang baik.

Guru merupakan golongan yang dekat dengan murid. Mereka mengenali minat dan citarasa murid. Oleh hal yang demikian, setiap sumbangan guru dalam penghasilan siri buku bacaan ini amat dihargai. Kepada guru-guru yang telah menyumbang dalam penulisan buku cerita ini, saya mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih.

Besar harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan dan lebih banyak karya dapat dihasilkan demi kemajuan dan pembangunan intelek anak-anak kita. Semoga mereka bakal menjadi pengguna bahasa ibunda yang cekap dan yakin serta berbangga akan bahasa dan budaya Melayu.

*Burung punai di pucuk rebung,
Anak kedidi terbang berempat;
Bahasa disanjung budaya dijunjung,
Majulah seni bangsa berdaulat.*

PENGHARGAAN

Para Penulis Buku Darjah 3

Zaleha Ahmad
Safidah Samsudin
Fadzilah Mohd Idris
Juliyah Yaacob
Zarina Hashim
Manisah Osman
Nazariah Nasir
Khairunnisa Mohd Isa
Haslinah Osman
Farizan Md Amin

Kaki Bola
Menang Menabung
Jangan!
Segaknya!
Wira dan Wirawati Bento
Mari Berkenalan
Tetap Berguna
Adakah Pilihan Nabilah Salah?
Jemput Makan!
Juara Cilik Wayang Kulit

Pengurusan Pembinaan Buku

Penasihat Projek
Editor
Sekretariat MLLPC

Zafilin Abdul Hamid
Zainaba Omar
Siti Fazila Ahmad
Murshidah Hassan
Nasrudin Raja Sulaiman
Nur Fa'izah Matnoor
Nur Sifa Hussin
Mislimah Misti

Jemput Makan!

hasil karya
Haslinah Osman



Ibu membuka sampul surat dan membaca kad undangan yang diterimanya.

Mengapakah Ibu tersenyum?

Kita sekeluarga telah dijemput ke majlis perkahwinan.



Nabilah melonjak kegembiraan. Dia mula membayangkan hidangan lazat yang disediakan setiap kali dia menghadiri majlis perkahwinan. Ibu hanya tersenyum melihat keletah Nabilah.

Nabil mendengar perbualan Nabilah dan ibunya. Nabilah tersedar daripada lamunan apabila terdengar namanya dipanggil oleh Nabil. Nabilah tersipu-sipu malu.

Abang mahu membuat projek tentang adab semasa makan. Boleh Nabilah bantu Abang?



Kita mesti saling membantu
seperti dalam peribahasa
yang Nenek pernah sebut...

BOLA

seperti aur dengan tebing.



Tiba-tiba, bilik mereka menjadi terang-benderang. Cahaya terpancar daripada komputer Nabil. Tetikus yang digunakan oleh Nabil terbang ke udara dan mula berkata-kata.



Saya Tetikus. Jangan bimbang.
Saya akan bantu kamu.

Nabil dan Nabilah dibawa ke majlis perkahwinan. Mereka melihat ramai tetamu yang berada di sana. Mereka melihat sebuah keluarga sedang berada di pintu gerbang majlis itu. Seorang lelaki yang lengkap berbaju kurung, bersamping dan bersongkok hitam sedang menyambut kedatangan mereka.



Selamat datang dan jemputlah masuk.

Nabil dan Nabilah melihat keluarga itu sedang duduk dengan tertib di meja kosong yang tersedia. Namun, tidak kelihatan bufet yang selalunya dihidangkan di majlis perkahwinan.

Eh! Mana semua makanan?



Nabil dan Nabilah melihat seorang pelayan membawa sebuah dulang yang besar. Pelayan itu meletakkan lauk-pauk di atas meja.

Sebelum makan, keluarga itu mencuci tangan mereka menggunakan bekas air yang disediakan.



Tiba-tiba Nabil dan Nabilah melihat seorang budak perempuan ditegur oleh ibunya kerana mencapai makanan yang jauh di hadapannya.



Eh, mengapakah perbuatan budak perempuan itu salah, Tetikus?



Sebenarnya Nabilah, kita hendaklah menggunakan tangan kanan dan mengambil makanan yang berhampiran dengan kita dahulu. Kita harus meminta bantuan orang lain yang berdekatan jika kita mahu makanan lain.



Nabil dan Nabilah mengangguk-angguk mendengar penjelasan Tetikus.

Nabil dan Nabilah terus memerhatikan keluarga itu.

Lihat cara mereka
menghulurkan makanan.
Siku atau pergelangan
tangan mereka ditampung
sedikit dengan tangan kiri!

Itulah cara yang betul semasa
kita menghulurkan makanan.



Mereka juga tidak gelojoh
ketika makan.

Tepat, Nabil. Makanan yang
dalam pinggan dihabiskan
dahulu sebelum menambah
lauk.



Nabil dan Nabilah juga mempelajari bahawa mereka tidak boleh mengunyah makanan dengan kuat. Perbuatan itu kurang sopan kerana boleh mengganggu ketenteraman orang lain yang sedang makan.



Mereka sangat tertib. Sisa makanan diletakkan dalam pinggan kosong.



Nabil dan Nabilah masih ingat pesan ibu dan bapa mereka tentang pembaziran makanan.

Kita harus ambil sedikit makanan dahulu.

Ya, betul! Kita tidak harus membazir makanan.

Tetikus bangga dengan sikap kamu berdua!

Tetikus menerangkan bahawa orang Melayu memang terkenal dengan nilai kesantunan mereka sejak zaman dahulu lagi.



Tetikus yakin Nabil dan Nabilah telah mempelajari banyak perkara tentang adab semasa makan. Tetikus pun mengucapkan selamat tinggal kepada Nabil dan Nabilah.



Terima kasih, Tetikus.
Selamat tinggal!



Nabil dan Nabilah berpandangan. Mereka sudah mendapat idea untuk menyelesaikan projek 'Adab Semasa Makan'.







Adab di Majlis



Di sekolah, Nabil dan Nabilah membuat perkongsian yang bernas tentang projek mereka. Ilmu yang telah diraih oleh Nabil dan Nabilah tentang adab ketika menjamu selera di majlis dikongsi bersama semua rakan mereka.

Glosari

Perkataan	Maksud
keletah (hlm. 3)	gerak-geri yang dibuat-buat
adab (hlm. 4)	tingkah laku yang baik
dihidangkan (hlm. 8)	disajikan
gelojoh (hlm. 13)	makan dengan lahap
sopan (hlm. 14)	berkelakuan baik
ketenteraman (hlm. 14)	keamanan



Aktiviti Bersama Keluarga


Nama Aktiviti: Main Peran

1. Lakonkan cara yang betul semasa menghulurkan makanan atau minuman kepada tetamu.



2. Lakonkan cara yang betul untuk mengambil makanan yang jauh.





© 2018 Kementerian Pendidikan Singapura

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, menyimpan atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh



Ministry of Education
SINGAPORE



Malay Language Learning
and Promotion Committee

**Kementerian Pendidikan Singapura
dan
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu**

Illustration and Design by Thoughts Creations
Email: sales@thoughts.com.sg

First published 2018

All rights reserved. No part of this publication may be produced, stored in a retrieval system or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission of the copyright owner.

JEMPUT MAKAN!
ISBN 978-981-11-6407-1

Printed in Singapore

